

# Didikan asas bentuk anak berakhlak tinggi

BM 26 APR 1992

SEMPENA ulang tahun ke-25 majalah Dewan Pelajar, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai penerbitnya mengedarkan poster Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersama kanak-kanak pelbagai kaum (gambar) secara percuma kepada orang ramai, mulai semalam.

Poster itu turut mencatatkan amanat Perdana Menteri kepada kanak-kanak Malaysia. Berikut adalah teks penuh Amanat Untuk Kanak-Kanak Malaysia:

"Kanak-kanak hari ini akan menjadi warganegara dan pemimpin pada masa hadapan. Sama ada mereka akan menjadi warganegara atau pemimpin yang bertanggungjawab, berhemah tinggi, berbudi pekerti, dan patriotik bergantung pada didikan, tunjuk ajar dan nilai-nilai hidup yang diterapkan kepada mereka pada masa ini. Dalam semua ini warganegara semasa mempunyai peranan dan tanggungjawab yang utama.

"Maju mundurnya sesuatu bangsa tidak disebabkan oleh bentuk tubuh badan bangsa itu tetapi diasaskan kepada budaya

bangsa berkenaan. Jika budaya bangsa mengutamakan sifat-sifat yang mulia, maka akan majulah bangsa itu. Sebaliknya bangsa yang maju sekalipun akan menjadi mundur apabila nilai hidup yang buruk diamalkan.

"Wawasan 2020 adalah untuk kanak-kanak hari ini, dan bukan untuk diwarisi semata-mata. Wa-

wasan 2020 perlu diusahakan; dan untuk ini sifat-sifat yang sesuai perlu disebarkan kepada kanak-kanak dari sekarang."

Dalam majlis ulang tahun ke-25 Dewan Pelajar yang diadakan di Dataran Merdeka semalam, amanat itu disampaikan melalui suara latar tokoh akademik dan sastera negara, Tan Sri Awang Had Sal-

leh manakala teksnya disiarkan melalui layar besar untuk tontonan ramai.

Majlis itu yang turut dihadiri isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Elyas Omar, dihiasi dengan pelbagai acara persembahan kanak-kanak.